

Kadar penembusan insurans hayat disasar meningkat

Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) komited untuk memenuhi aspirasi kerajaan dalam meningkatkan kadar penembusan insurans hayat di Malaysia daripada 54 peratus ketika ini kepada 75 peratus menerusi pelbagai inisiatif utama dan pendidikan menjelang 2020.

Presidennya, Loh Guat Lan, berkata persatuan itu percaya, menerusi sokongan berterusan daripada kerajaan dalam usaha mengubah pemikiran rakyat, terutama golongan B40, dan meningkatkan tahap kecekapan kewangan pengguna.

Katanya, usaha ini akan menjadi antara bidang utama yang mahu ditambah dalam usaha untuk meningkatkan kadar penembusan kepada 75 peratus.

“Program Pendidikan Pengguna yang sedang dijalankan akan terus menjadi antara strategi utama untuk meningkatkan tahap kecekapan kewangan rakyat Malaysia selain termasuk libat urus dengan media, program libat urus dengan belia di kolej dan universiti, menyertai Pameran Kerjaya Bank Negara Malaysia (BNM) dan banyak lagi.

“Pemahaman yang kukuh dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah mengenai bagaimana insurans boleh menangani keperluan kewangan mereka adalah penting untuk pertumbuhan

pasaran insurans. Oleh itu, pendidikan insurans adalah kunci kepada kejayaan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Makan Tengah hari Penghargaan Media, di sini Kuala Lumpur, semalam.

Guat Lan berkata, mengikut keperluan peraturan baru oleh BNM tahun ini, LIAM dan MTA telah memulakan kempen pendidikan pengguna mengenai produk berkaitan pelaburan (ILP) untuk mendidik pengguna mengenai dasar mereka dan menyediakan maklumat yang mencukupi untuk keselamatan dasar mereka.

“Bulan ini, kami akan menerbitkan artikel pendidikan untuk mendidik pengguna mengenai pemahaman Ilustrasi Jualan ILP baharu selepas awal Januari 2020.

“Pada suku pertama 2020, LIAM juga akan memulakan kempen pendidikan pengguna yang komprehensif dengan mengambil manfaat platform media sosial dan pemimpin pendapat utama,” katanya.

Menyentuh mengenai prestasi industri insurans hayat pada suku ketiga tahun ini, beliau berkata, pertumbuhan dari segi perlindungan kepada rakyat Malaysia mencatat sejumlah RM391.78 bilion nilai jaminan baharu, meningkat 9.4 peratus berbanding RM358.05 bilion pada suku sama tahun lalu.